

Nota:

Semua maklumat dan kenyataan di dalam risalah ini disediakan berdasarkan kepada peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang mengandungi segala pindaan hingga 1 April 2005. Tulisan berwarna merah adalah fakta tambahan.

SENARAI RISALAH YANG BERKAITAN

001	Apakah Rancangan Pemajuan?
002	Kebenaran Merancang
003	Mengapa Perlu Laporan Cadangan Pemajuan?
004	Bagaimana Menggunakan Kebenaran Merancang?
005	Penguatkuasaan Perancangan Bandar
006	Caj Pemajuan
007	Lembaga Rayuan Perancangan Bandar
008	Notis Rekuisisi (Permintaan)
009	Notis Pembelian
010	Tahukah Anda Pokok Mempunyai Hak?
011	Warisan Senibina dan Kepentingan Sejarah
012	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan
013	Senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di Semenanjung Malaysia
014	Mengenali Perancangan Bandar dan Desa
015	Siapa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) Anda?
016	Apakah Pembangunan Mampan?
017	Local Agenda 21
018	Apakah Peranan Awam dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan?
019	Undang-Undang Perancangan Bandar

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Bahagian Perundangan, Perancangan dan Kawal Selia
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari
50646 Kuala Lumpur
Tel: 603-2698 9211 Fax: 603-2698 7371
www.townplan.gov.my

Apakah Pembangunan Mampan ?




Siri 016

2005

Edisi Kedua

Apakah Pembangunan Mampan?

- ❑ Secara ringkas, pembangunan mampan ialah “**pembangunan yang memenuhi keperluan semasa serta masa hadapan bagi mencapai kesinambungan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan bersama tanpa menjejaskan keperluan generasi seterusnya**”.
- ❑ Pembangunan mampan merupakan pembangunan yang mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial dan alam sekitar.



Definisi Pembangunan Mampan

- ❑ Mengikut Laporan *Our Common Future* yang diterbitkan oleh *The World Commission on Environment and Development* (WCED), 1987, pembangunan mampan adalah: **“Pembangunan yang memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa mengabaikan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka”**.
- ❑ Satu penekanan utama yang disarankan dalam dasar pembangunan mampan ini ialah **masyarakat dunia mestilah hidup dalam had daya tampung (*carrying capacity*) planet bumi**.
- ❑ Walaupun terdapat beberapa definisi yang berbeza tetapi dalam kesemua definisi ini terdapat satu tema yang dikongsi bersama iaitu **alam sekitar (*environment*)**, **masa depan (*futuristic*)** dan **kesaksamaan (*equity*)**.
- ❑ Aspek-aspek kemampuan untuk tujuan perancangan:
 - » Kemampuan Ekologi;
 - » kemampuan Ekonomi;
 - » kemampuan Sosial;
 - » kemampuan Budaya;
 - » kemampuan Pertanian;
 - » kemampuan Alam Sekitar; dan
 - » kemampuan Bandar.

Apakah Tujuan Pembangunan Mampan?

❑ Ketelusan dan Kerjasama

- » Masyarakat diberi peluang sepenuhnya dan digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses membuat keputusan mengenai pembangunan pada pelbagai peringkat perancangan, pengurusan dan pelaksanaan;
- » proses membuat keputusan yang berkaitan perlu dilakukan secara tulus dan telus; dan
- » matlamat akhir ialah untuk mengukuhkan penglibatan, tanggungjawab dan peranan pelbagai kelompok dari pelbagai peringkat masyarakat berasaskan kepada proses perancangan, pelaksanaan, pengurusan dan keputusan.

❑ Perkongsian Pintar

- » Perkongsian pintar antara Kerajaan Negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan semua pihak masyarakat dalam seluruh aspek; dan
- » asas untuk mengeratkan integrasi pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan dalam menjurus kepada pola pembangunan mampan.

❑ Tanggungjawab Bersama

- » Kerajaan Negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan semua pihak

masyarakat berperanan dan berkongsi tanggungjawab merancang, mengurus, melaksana dan memantau pembangunan mampan; dan

- » berdasarkan pada matlamat, objektif dan aspirasi yang jelas untuk manfaat dan kesejahteraan bersama.

❑ Pendekatan Menyeluruh

- » Perkara ini perlu dilihat dan didekati sebagai suatu kerangka yang berdasarkan proses masalah tersebut dan bukan pada kesan masalah.

❑ Kesatuan Ekosistem

- » Alam sekitar dilihat sebagai suatu ekosistem yang mengandungi unsur-unsur warisan tabii, sistem sokongan hidup dan sumber asli; dan
- » jika digunakan dengan bijaksana akan menjamin dan meningkatkan kesejahteraan dan keselamatan sosial.

❑ Keharmonian Masyarakat

- » Sentiasa mengutamakan keharmonian dan toleransi antara kaum, prihatin terhadap golongan warga tua, remaja, kanak-kanak dan masyarakat kurang upaya; dan
- » tanpa membezakan jantina, taraf sosio-ekonomi dan penduduk antara bandar dan luar bandar.

❑ Mengambil Berat Terhadap Masa Depan

- » Merangkumi pendapat bahawa generasi semasa mengurus sumber-sumber semasa dengan cara yang memungkinkan pengekalan pilihan-pilihan pengurusannya oleh generasi akan datang di masa hadapan; dan
- » pembangunan yang menekankan penggunaan sumber asli secara mampan dan menitikberatkan langkah-langkah perlindungan alam sekitar.



Apakah Peranan Anda?

- ❑ Meningkatkan kualiti dan keselesaan hidup semua lapisan masyarakat melalui kerjasama dalam menjaga kebersihan persekitaran bandar anda.
- ❑ Penyertaan aktif masyarakat tempatan untuk berbincang dan menyumbang idea secara muafakat.
- ❑ Penglibatan awam dalam rancangan pemajuan (rancangan struktur dan rancangan tempatan). (Rujuk risalah Siri 018 Apakah Peranan Awam dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan?).

- ❑ Perkongsian tanggungjawab menjaga kampung halaman, seperti kata pepatah Melayu “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”.
- ❑ Saling tegur menegur secara membina di antara masyarakat berbilang kaum.
- ❑ Mengamalkan nilai-nilai yang sihat dalam hidup misalnya mencintai alam sekitar dan menggunakan sumber alam dengan bijak.
- ❑ Peka dan prihatin kepada isu-isu alam sekitar di sekeliling anda.
- ❑ Bertindak secara tepat dan bijak dalam pengurusan alam sekitar.
- ❑ Mengamalkan kitar semula bagi mengurangkan penghasilan sampah dan seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar.

